

6 Mei 2010

Amerika Syarikat Masih Jadi Tarikan

Pengarang Steve Roberts menceritakan kisah kehidupan 13 keluarga pendatang

Oleh Ralph Dannheisser

Penulis Khas

Washington - Amerika Syarikat terus menjadi tarikan para pendatang, dan mereka yang baru datang ini banyak menyumbang kepada kehidupan rakyat Amerika seperti generasi sebelumnya, kata wartawan dan pendidik Steve Roberts.

Roberts, bekas wartawan *New York Times* dan kini profesor media dan perhubungan awam di Universiti George Washington, menerangkan pengalaman sama yang dilalui dalam proses penghijrahan sejak dahulu - dengan beberapa perbezaan pada zaman moden - dalam satu ceramah di Arkib Nasional di Washington pada 22 April.

Ceramah beliau disulami dengan petikan-petikan daripada buku terbarunya, *From Every End of This Earth: 13 Families and the New Lives They Made in America*, yang menceritakan kisah-kisah para pendatang baru dari 17 negara. (Sesetengah anggota keluarga datang dari pelbagai negara.)

Daripada para usahawan, pelajar hingga mangsa perang yang terselamat, pendatang-pendatang ini datang ke Amerika Syarikat dari Afghanistan, Burma, China, Greece, El Salvador, Mesir, Jerman, India, Israel, Lebanon, Mexico, Pakistan, Rwanda, Sierra Leone, Syria, Ukraine dan Vietnam.

Tajuk buku ini disesuaikan daripada ucapan perdana Presiden Obama, di mana beliau mengisytiharkan bahawa masyarakat Amerika "terbentuk melalui bahasa dan budaya yang diambil dari setiap pelusuk muka bumi," dan warga Amerika mengakui bahawa "kepelbagaian warisan ini adalah satu kekuatan, bukan satu kelemahan."

Roberts bergurau tentang sejarah nenek moyangnya dan isterinya yang datang lebih awal ke Amerika Syarikat. Isteri Robert, Cokie, adalah pengulas berita di radio dan televisyen, bertindak sebagai moderator untuk ceramahnya. "Kami berdua adalah anak-anak pendatang, cuma keluarga kami datang dalam masa 300 tahun berasingan," katanya. "Keluarga Cokie datang ke Jamestown [bersama peneroka asal Inggeris Virginia] pada tahun 1620... dan saya pula adalah anak daripada keluarga Rogowskys dari Bialystok" di Poland.

“Penghijrahan masih giat berlaku hingga hari ini, 100 tahun selepas datuk saya datang,” kata Roberts, tapi kini mereka juga datang dari bahagian dunia lain tidak seperti gelombang awal penghijrahan yang datang dari Eropah.

Di bandar kelahirannya Bayonne, New Jersey, Roberts melaporkan, “gereja Itali mempunyai upacara keagamaan dalam bahasa Bahasa Sepanyol. Tempat yang dahulunya adalah stesen bas kini adalah gereja Kristian Koptik. Semua kedai di Broadway yang pernah dimiliki oleh orang-orang Yahudi yang kini dimiliki oleh orang India.” Beliau berkata, “pemenang anugerah tahunan untuk esei tentang Holocaust, yang diberikan oleh komuniti Yahudi, adalah seorang wanita Islam dari Pakistan.”

KISAH PENDATANG

Buku Roberts menceritakan pelbagai pengalaman pendatang, daripada seorang anak muda dari India yang menaiki pesawat di New Delhi untuk ke sebuah universiti di Ohio, kepada keluarga yang berhijrah untuk melepaskan diri daripada perang saudara yang kejam di Sierra Leone dan berakhir di Pennsylvania. “Negara kita adalah syurga bagi pelarian politik, yang berjuang menghadapi waktu-waktu yang sukar,” kata Roberts.

Beliau menceritakan kisah seorang gadis dari Burma yang berhijrah bersama keluarganya. Ketika memasuki kolej, gadis ini berkawan rapat dengan rakan-rakan muslim lain dan mula memakai hijab. “Kenapa kamu lakukan ini? Kamu berada di Amerika!” bapa gadis itu bertanya. “Saya boleh melakukannya, ayah, kerana saya di Amerika,” jawabnya.

“Ia satu cerita yang hebat,” kata Roberts, “kerana yang penting di sini adalah pilihan. ...Amerika membolehkan kamu menjadi apa yang kamu inginkan, meskipun itu bermakna menjadi lebih kuat beragama, meskipun itu bermakna memakai tudung.”

Beliau menceritakan kisah Pablo Romero, yang lahir di kawasan pedalaman Mexico, seorang yang keciciran sekolah pada usia 11 tahun, dan bekerja di ladang daun salad selepas tiba di California ketika berusia 13 tahun. Romera memasuki tentera pada usia 20 tahun, menghabiskan masa membaca buku-buku di perpustakaan, menghadiri kolej komuniti pada malam hari, memasuki Universiti California dan seterusnya ke sekolah perubatan.

Romero sekarang mengendalikan klinik perubatan di Salinas, California, “untuk berkhidmat kepada anak-anak dan cucu-cucu mereka yang pernah bekerja bersama beliau di ladang,” kata Roberts. “Saya tidak kenal rakyat Amerika yang lebih baik daripada Pablo Romero.”

Kata Roberts, sesuatu yang berbeza sekarang adalah teknologi komunikasi yang membolehkan para pendatang untuk terus berhubung dengan rakan-rakan dan keluarga di negara asal. “Tradisi yang menghalang wanita dari berhijrah bersendirian” juga semakin berkurangan dan terdapat satu peralihan kepada sistem ekonomi perkhidmatan yang mewujudkan lebih banyak peluang - terutama bagi wanita - dalam bidang-bidang seperti penjagaan kesihatan.

Tema biasa dalam kisah perhijrahan ke A.S. adalah “kekenyalan pentakrifan diri kita,” kata Roberts. “Siapa saja dari mana saja boleh mentakrifkan dirinya sebagai seorang rakyat Amerika dengan satu perkara yang tidak dapat dilakukan di tempat-tempat lain di dunia.” Dan Amerika bertambah maju kerana para pendatang membawa “tenaga yang baru, generasi yang baru dan semangat keusahawanan yang baru.”

Namun, beliau mengakui bahawa “di dalam kita meraikan sejarah pendatang yang gemilang, sikap Amerika selalunya bertentangan,” di mana terdapat masa-masa “perasaan anti-pendatang begitu kuat.”

Mereka yang menentang pendatang “sentiasa menggunakan ayat yang hampir sama, sama ada ketika menentang kehadiran orang Ireland pada tahun 1840-an, orang Itali pada tahun 1920-an ... atau hari ini orang Hispanik, dan ayat itu adalah, ‘Amerika sudah sempurna sekarang dan kita harus menutup jambatan kerana kumpulan seterusnya akan merosakkan budaya kita,’” kata Roberts.

Namun beliau menegaskan, “Itu adalah satu kesalahan besar dalam menghayati sejarah Amerika - kerana tugas membina Amerika tidak akan selesai.”

<http://www.america.gov/st/peopleplace-english/2010/May/20100506141031emohkcabhplar0.9639246.html?CP.rss=true>

Steve Roberts, kiri, dan Cokie Roberts dalam satu majlis menandatangani buku pada bulan Mac di Universiti George Washington. Mereka berdua juga berada di Arkib Nasional pada bulan April. Buku Cokie Roberts, *Ladies of Liberty*, membincangkan wanita yang membantu membentuk sejarah awal Amerika. Buku Steve Roberts, *From Every End of This Earth*, menceritakan kisah kehidupan 13 keluarga pendatang.